



Sabah terus cerahkan peluang layak ke Piala AFC

Oleh [Asrol Awang](#) - Oktober 11, 2022 @ 10:33pm
bhsukan@bh.com.my



Kapten Sri Pahang FC, Muslim Ahmad (kanan) mengasak pemain Sabah FC, Saddil Ramdani pada aksi Liga Super di Stadium Darul Makmur, Kuantan malam tadi. Sabah menang 2-1. - Foto NSTP/Farizul Hafiz Awang.

KUANTAN: Sabah FC meraih tiga mata berharga selepas bangkit daripada ketinggalan untuk menewaskan Sri Pahang FC 2-1 pada aksi sengit Liga Super di Stadium Darul Makmur, di sini, sebentar tadi.

Kemenangan itu memastikan Sang Badak kekal berada di tangga kedua liga selepas menghimpun 42 mata, sekali gus terus menghidupkan peluang untuk layak ke saingan Piala AFC musim depan ketika berbaki satu aksi lagi musim ini.

Dua gol pada penghujung aksi termasuk masa kecederaan masing-masing menerusi Dominic Tan dan Taesu Park memastikan skuad kendalian Datuk Ong Kim Swee mengutip tiga mata di tempat lawan.

Pada perlawanan itu, tuan rumah bermula dengan corak permainan pantas untuk membolosi gawang lawan. Peluang terbaik Sri Pahang hanya hadir pada minit ke-11 menerusi sentuhan Steven Rodriguez tetapi bola tendangan penyerang import itu sedikit tersasar di sebelah kanan tiang gol.

Selang tiga minit, kapten Sabah, Baddrol Bakhtiar memiliki peluang menjaringkan gol pendahuluan namun bola melepasi palang. Pada minit ke-20, penjaga gol lawan, Khairul Fahmi Che Mat menyelamatkan gawang daripada dibolosi apabila menangkap kemas bola sepakan Rodriguez.

Selepas itu, pertahanan pelawat terus diasak dan pemain tengah, Manuel Hidalgo turut memiliki peluang untuk muncul penjaring tetapi ketangkasan Khairul Fahmi menafikan tuan rumah untuk menjaringkan gol.

Bersambung babak kedua, Sabah yang tidak berada pada prestasi terbaik di separuh masa pertama tampil dengan melakukan percubaan berbahaya. Peluang terbaik Sabah hadir daripada percubaan Saddil Ramdani tetapi rembatan pemain import itu ditepis penjaga gol Sri Pahang, Mamadou Samassa.

Pada minit ke-85, tandukan Rodriguez meletakkan Sri Pahang mendahului Sabah 1-0 hasil hantaran Baqiuddin Shamsudin.

Namun, pemain pertahanan Sabah, Dominic berjaya menyamakan kedudukan 1-1 pada minit ke-89 sebelum Park menjaringkan gol kedua Sabah pada masa kecederaan untuk memastikan skuad itu mengutip tiga mata berharga.